

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 27 TAHUN 1975**

---

**KEDUDUKAN PEGAWAI YANG MELETAKKAN JAWATAN  
KERANA BERKURSUS DAN KEMBALI BERKHIDMAT  
DENGAN KERAJAAN<sup>1</sup>**

1. Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai 1hb Januari, 1973, semua pegawai Kerajaan di dalam jawatan tetap (termasuk mereka yang di dalam tempoh percubaan) yang telah meletakkan jawatan kerana mengikuti pengajian yang tinggi dan selepas itu berkhidmat semula dengan Kerajaan akan dianggap sebagai telah diberi cuti belajar tanpa gaji bagi masa pengajian tersebut sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat ini:

- (i) Telah diberi biasiswa oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri atau badan berkanun;
- (ii) Bahawa biasiswa yang diberi itu telah diterima atau dijanjikan secara bertulis sebelum pegawai meletakkan jawatan atau diberi dengan syarat pegawai meletakkan jawatan terlebih dahulu; dan
- (iii) Bahawa selepas menamatkan kursus, pegawai telah terus bekerja semula dengan Kerajaan tanpa diselang oleh perkhidmatan dalam lapangan swasta.

**Pegawai-pegawai Yang Tidak Layak Mendapat Faedah Ini**

2. Pegawai-pegawai yang berikut adalah tidak layak mendapat faedah dari keputusan Kerajaan ini, iaitu:

- (a) Pegawai-pegawai yang meletakkan jawatan kerana telah tidak dapat cuti belajar atau biasiswa;
- (b) Pegawai-pegawai yang telah meletakkan jawatan dan hanya telah menerima atau berjaya mendapat biasiswa semasa sedang berkursus sahaja;
- (c) Pegawai-pegawai sementara atau pegawai-pegawai sangkut yang sememang disyaratkan meletakkan jawatan sebelum berkursus; dan
- (d) Pegawai-pegawai yang meletakkan jawatan dan hanya telah menerima pinjaman dari mana-mana badan untuk tujuan pengajiannya.

**Akibat Keputusan Ini**

3. Dengan keputusan ini bermaknalah bahawa tempoh perkhidmatan seseorang pegawai yang berkecualan mengikut perenggan 1 itu adalah tidak terputus oleh sebab perletakan jawatannya, hanyalah bahawa tempoh cuti belajar tanpa gaji itu tidak dapat dikira untuk tujuan pencen sahaja.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA,  
BANGUNAN U.M.B.C.,  
JALAN SULAIMAN,  
KUALA LUMPUR.

*21hb Oktober, 1975.*

---

**CATATAN:**

<sup>1</sup> Sila rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 1979 bertarikh 19hb November, 1979.